



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/3/2011

Dr Mahathir beri alasan pecat Anwar dalam buku

Bekas Perdana Menteri nafi bimbang kena cabar timbalan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan beliau memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1998 atas dua sebab iaitu tidak sesuai untuk meneruskan khidmat dalam kerajaan dan menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

Dalam buku pengkisahan sepanjang memimpin negara bertajuk *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*, beliau menafikan memecat Anwar kerana bimbang akan dicabar.

"Adalah tidak berasas sama sekali (pecat kerana akan dicabar) dan Anwar tidak menjadi Perdana Menteri ke-



ORANG ramai berpusu-pusu membeli buku *A Doctor In The House: The Memoirs Of Tun Dr Mahathir Mohamad* di Mid Valley, semalam.

"Bila saya bertanya mengapa beliau mahu menjadi sebahagian daripada UMNO, Anwar berkata beliau mahu menyumbang kepada perjuangan parti"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

rana perbuatannya sendiri.

Dr Mahathir mendakwa beliau pertama kali dimaklumkan mengenai salah laku moral Anwar oleh bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar, empat tahun sebelum buku *50 Dalil Kenapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri* dihantar kepadanya.

Namun, beliau tidak membacanya kerana yakin ketika itu ia hanya bahan sensasi bertujuan mengaut keuntungan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pada 1997, beliau mula mengesyaki salah laku Anwar apabila menerima surat yang menceritakan secara terperinci mengenai per-

kara itu daripada Ummi Hafilda Ali, iaitu adik kepada setiausaha politik Anwar, Azmin, dan sebulan selepas itu menghantar satu lagi surat menafikannya.

Anwar dijatuhkan hukuman penjara enam tahun bagi kesalahan rasuah pada 1999 dan sembilan tahun bagi kes liwat pada 2000. Bagaimanapun beliau dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan daripada tuduhan liwat pada 2004.

Dr Mahathir turut menolak dakwaan bahawa UMNO yang mempelawa Anwar menyertai parti itu kerana Anwar sendiri yang pada ketika itu menjawat jawatan Presiden Angkatan Belia Islam

Malaysia (ABIM) mahu menyertai UMNO, iaitu tidak lama selepas Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981.

"Bila saya bertanya mengapa beliau mahu menjadi sebahagian daripada UMNO, Anwar berkata beliau mahu menyumbang kepada perjuangan parti.

"Beliau memberitahu mereka (kepemimpinan ABIM), beliau mahu merubah pandangan UMNO kepada ABIM dan mempengaruhi kerajaan daripada dalam dan berkata, agendanya adalah untuk merubah kerajaan kepada kerajaan Islam dan menyertai parti (UMNO) adalah cara paling berkesan," katanya.